

Lelaki warga emas mengaku bersalah cederakan wanita

KUCHING: Seorang lelaki warga emas berusia 67 tahun didenda RM1,500 atau empat bulan penjara oleh Mahkamah Majistret semalam kerana mencederakan seorang wanita berusia 26 tahun selepas menuduh mangsa membawanya lari kereta miliknya.

Majistret Nur Syaheeqa Nazwa Radzali menjatuhkan hukuman itu terhadap Chung Kim Fatt yang tidak diwakili peguam dan mengaku bersalah mengikut Seksyen 323 Kanun

Keseksaan.

Seksyen tersebut memperuntukkan hukuman penjara sehingga setahun atau denda sehingga RM2,000 atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahannya.

Mengikut pertuduhan, tertuduh mencederakan mangsa dengan cara menumbuk muka dan menendang bahagian belakang badan mangsa dalam satu kejadian sekitar jam 10 malam pada 24 Julai 2026 di hadapan

sebuah kedai di Batu 10, Jalan Penrissen di sini.

Berdasarkan fakta kes, semasa mangsa bersama rakan lelakinya berada di dalam kereta, tertuduh tiba-tiba datang ke arah mangsa lalu memukul mangsa beberapa kali di bahagian kepala serta badan, dengan menggunakan tangan.

Mangsa seterusnya keluar dari kenderaan terbabit namun tertuduh bertindak menendang mangsa di bahagian belakang

badan.

Punca kejadian adalah tertuduh menuduh mangsa membawanya lari kereta miliknya.

Akibat kejadian itu juga, mangsa mengalami kecederaan seperti benjol di bahagian dahi, luka serta lebam di bahagian bibir dan bawah mata, selain sakit di bahagian kepala.

Berikutan itu, mangsa membuat laporan polis yang seterusnya membawa kepada penangkapan tertuduh.